

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 21.11.2016

SOALAN :

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan dan pakej tindakan yang akan dibentuk bagi atlet-atlet kurang upaya bagi terus maju dalam arena sukan. Adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan sekolah sukan khas bagi atlet tersebut dimana ia akan bantu melahirkan lebih banyak atlet yang berkualiti di samping mengharumkan nama negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada perancangan untuk mewujudkan sekolah sukan khas untuk atlet-atlet dalam kalangan murid pendidikan khas. KPM juga sedar bahawa Sekolah Sukan Malaysia (SSM) sedia ada belum bersedia untuk menerima murid pendidikan khas kerana spesifikasi kemudahan asrama, bilik darjah dan kemudahan-kemudahan yang dibina adalah berdasarkan keperluan atlet murid normal. Sungguhpun begitu, ini tidak bermaksud KPM menafikan potensi dan kemampuan murid pendidikan khas dalam bidang sukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedia mempertimbangkan kemudahan sukan di Sekolah Pendidikan Khas yang sedia ada dinaik

taraf seperti bilik darjah, asrama, tandas dan kemudahan lain mengikut
keselesaan atlet berkeperluan khas dalam usaha membantu melahirkan
atlet paralimpik yang cemerlang di peringkat kebangsaan dan
antarabangsa. Pada masa yang sama, KPM sentiasa menyokong dan
bersedia untuk bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan
dengan pembangunan sukan paralimpik termasuk cadangan untuk
membina sekolah sukan khas bagi atlet berkeperluan khas demi
melahirkan lebih ramai atlet yang berkualiti di samping mengharumkan
nama negara.

RJM65